

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBENTUKAN SAHSIAH
PELAJAR TAHFIZ
THE FACTORS AFFECTING PERSONALITY DEVELOPMENT AMONG
TAHFIZ STUDENTS**Sh.Noorhidayah Syed Aziz^{1*}, Khairul Anwar Mastor², Hasnan Kasan³¹Calon Doktor Falsafah, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, sha.noorhidayah@gmail.com²Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)³Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 14 Mac 2022

| Selepas Pembetulan: 27 Mei 2022

| Diterima untuk terbit: 28 Mei 2022

Abstrak

Penumpuan kepada pembangunan Modal Insan seperti yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) menunjukkan bahawa sahsiah merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian. Pembangunan modal insan merupakan suatu proses melahirkan jiwa yang bertakwa, dilengkapi dengan pembangunan jiwa, hati dan nurani bagi melahirkan insan yang mempunyai sifat keinsanannya. Bagi mencapai hasrat kerajaan tersebut, pelajar tahfiz yang cemerlang dan berkualiti, bukan sahaja perlu dinilai dari sudut kecemerlangan hafazan dan akademik. Malah, satu lagi kriteria yang perlu diberi perhatian adalah kecemerlangan dari sudut sahsiah pelajar itu sendiri. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menjalankan *Focus Group Discussion* (FGD) ke atas 64 orang pelajar tahfiz di bawah naungan Persatuan Institusi Tahfiz Negeri Selangor (PITAS). Hasil dapatan kajian ditranskrip, ditemakan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor- faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz iaitu sokongan komunikasi ibu bapa, keterlibatan pelajar dalam program kerohanian, bimbingan guru dan pengaruh persekitaran. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa komitmen dari pelajar tahfiz dan sokongan dari ibu bapa, guru dan persekitaran sangat diperlukan dalam melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti.

Kata kunci*Pembentukan Sahsia, Sahsia, Pelajar Tahfiz, Faktor-faktor***Abstract**

The focus on the development of Human Capital as outlined in the Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) shows that personality is an essential matter that needs to be addressed. The human capital development is a process of producing a pious soul, equipped with soul, heart and conscience development to produce human beings who have the nature of repentance. In order to achieve the government's aspirations, excellent and quality tahfiz students not only need to be evaluated in terms of memorization and academic excellence. In fact, another criterion that needs to be considered is excellence from the point of view of the student's own personality. Therefore, this study aims to explain the factors influencing the personality formation of tahfiz students. This study employs a qualitative design via Focus

Group Discussion (FGD) on 64 tahfiz students under the auspices of the Persatuan Institusi Tahfiz Negeri Selangor (PITAS). The findings of the study were transcribed, themed and analyzed descriptively. The results of the study show that there are four factors influencing the development of tahfiz students' personality, namely parental communication support, student involvement in spiritual programs, teacher guidance and the environment influence. Overall, this study found that commitment from tahfiz students and support from parents, teachers and the environment are essential in producing quality tahfiz students.

Keywords

Personality Development, Personality, Tahfiz Students, Factors

1. Pengenalan

Pembentukan sahsiah ialah aspek perubahan sikap dan perbuatan yang dialami oleh setiap individu dalam membentuk tabiat dan kebiasaan yang baik dan bertanggungjawab. Pembentukan adalah bersifat kualitatif dan tidak dapat diukur dengan jelas, namun boleh diukur dengan melihat proses perubahan dari semasa ke semasa (Slavin 1997; Honson 2003; Nik Noraini & Noor Hisham 2018). Sahsiah pula ialah apa yang telah wujud dalam diri seseorang melalui tingkahlaku yang dipamerkan untuk membezakan seseorang dengan seseorang yang lain. Setiap individu dibezakan dari aspek jasmani, perasaan, pemikiran, sikap, minat, kepercayaan dan nilai-nilai. Sifat yang dipamerkan ini boleh jadi telah wujud dalam diri seseorang atau kesan dari pengaruh alam sekeliling dan pengaruh persekitaran (Zakaria et al 2012; Ee Ah Meng 1997; Siti Fatimah 1993).

Pembentukan sahsiah merujuk kepada tingkah laku berfikir, bertutur, bertindak dan berakhlak yang boleh mencapai kebaikan dunia dan akhirat (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Pembentukan sahsiah memerlukan faktor dalaman atau luaran atau melibatkan kedua-duanya serta memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak untuk merangsang berlakunya perubahan diri seseorang (Aimi Khairunnisa & Nurliana 2020). Pembentukan sahsiah juga berkait rapat pembangunan insan dari aspek jasmani, naluri dan akal tetapi juga aspek kerohanian dan dipengaruhi oleh pengaruh yang wujud dalam persekitaran kehidupan manusia sama ada mengandungi unsur elemen kemanusiaan atau bukan kemanusiaan (Slavin 1997; Zakaria et al 2012; Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman 2016).

Dari sudut pendidikan Islam, al-Hasyimi (1981) mengertikan sahsiah sebagai akhlak seseorang terhadap Allah, diri sendiri, anak-anak, isteri, keluarga, masyarakat dan alam seluruhnya yang dipaparkan ketika berlaku interaksi antara kedua belah pihak. Imam al-Nawawi mengatakan sahsiah terdiri dari lapan aspek pembinaan akhlak yang utama iaitu aspek pembangunan akhlak kepada Tuhan, akhlak sesama insan, sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu dan pengetahuan batasan agama (Kamarul Azmi, 2001). Abdullah Nashih Ulwan (1994) pula mengatakan sahsiah terdiri daripada empat unsur iaitu akidah, ibadah, akhlak dan penampilan. Keempat-empat unsur ini telah mengaitkan sahsiah dengan aspek kerohanian atau dalaman

manusia. Ia boleh dilihat melalui tingkah laku luaran individu. Imam al-Ghazali (1998), mengatakan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti serta pembangunan jiwa dan hati.

Konsep pembentukan sahsiah menurut al-Ghazali dilihat dari aspek spiritual atau kerohanian yang terdiri dari empat komponen utama iaitu ruh, nafs, *al-Qalb* dan *al-aql* (al-Ghazali 1998). al-Ghazali juga melihat sahsiah boleh dibentuk menerusi akidah, pengetahuan agama, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, berkeluarga, hubungan sesama manusia, akhlak budi pekerti dan pembangunan jiwa (Yatimah 2011). al-Ghazali (1998) menghuraikan lagi, walaupun manusia terdiri daripada komponen fizikal dan spiritual, tapi pembentukan sahsiah itu wujud dari aspek spiritual dan dalaman seseorang.

Berdasarkan kajian-kajian lepas dan pandangan sarjana terkemuka, dapat disimpulkan bahawa sahsiah ialah keperibadian, tingkah laku atau akhlak dari pembentukan psikologi manusia yang membentuk peribadi atau akhlak seseorang yang dapat dinilai menerusi empat unsur utama iaitu akidah, ibadah, akhlak dan penampilan yang membezakan seseorang dengan seseorang yang lain.

2. Pembentukan sahsiah pelajar tahfiz

Pelajar tahfiz merupakan aset negara dan generasi yang bakal menjadi pewaris kepimpinan negara dan agama (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Kualiti seorang pelajar tahfiz bukan setakat dinilai pada kecemerlangan akademik dan hafazan, malah kecemerlangan sahsiah juga perlu diberi perhatian (Abdul Hafiz Abdullah et al. 2005). Sungguhpun begitu, pendidikan agama di peringkat sekolah lebih menfokuskan untuk menghabiskan sukatan pelajaran sehingga pembelajaran dilakukan dengan pantas tanpa penghayatan nilai (Nur Hanisah 2021). Dalam konteks pendidikan tahfiz, pelajar tahfiz yang cemerlang sahsiah itu diukur berdasarkan tingkahlaku baik yang dilakukan oleh pelajar tahfiz (Abdul Hafiz et al. 2010). Awang dan Maimun (2017) juga mendapati bahawa keseimbangan diri pelajar yang merujuk kepada kombinasi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah hanya akan dapat dicapai apabila pelajar menghayati dan memahami setiap amalan kerohanian yang mereka amalkan.

Namun, tidak dinafikan berlaku kepincangan sahsiah di kalangan pelajar tahfiz (Nor Kamariah 2013). Hal ini kerana pelajar tahfiz juga sedang menempuh alam remaja yang melalui perubahan tingkah laku. Remaja dalam fasa mencari identiti mengikut acuan dan pengaruh rakan sebaya. Fasa pembentukan agama dalam diri mereka adalah untuk mengawal diri daripada perkara negatif, melakukan perkara positif,

mencegah kemungkaran, dan menjaga hubungan baik sesama manusia. Dalam membentuk sahsiah yang mulia, mereka memerlukan bimbingan yang mantap dan berterusan oleh pelbagai pihak terutama ibu bapa dan guru-guru bagi memastikan potensi diri mereka dapat digilap dan dimanfaatkan untuk negara dan ummah (Siti Fatimah 2018; Nur Hanisah 2021). Remaja perlu dibimbing dengan pengetahuan agama terutama dari aspek akidah dan ibadah agar mereka jelas tentang tujuan utama hidup sebagai khalifah di muka bumi ini. Hal ini kerana pendidikan agama bermula dengan pembentukan akidah dan tauhid dalam diri (Badriyah 2018; Siti Fatimah 2018).

Dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz, pelbagai aspek perlu diambilkira iaitu meliputi aspek pemantapan iman, kecerdasan intelektual dan psikologikal, serta kemahiran sosial dan interpersonal (Abdul Latif et. al 2011). Proses pembentukan sahsiah pelajar tahfiz adalah untuk membina keperibadian diri yang mantap selari dengan tuntutan agama iaitu dari segi akidah, ibadah dan akhlak (al-Ghazali 2003). Pembentukan sahsiah pelajar tahfiz bermula dari proses didikan daripada institusi kekeluargaan, pendidikan secara formal dan persekitaran yang dilalui (Hasbullah Mat Daud et al. 2020).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan penyelidikan berbentuk kajian kualitatif yang menjalankan *Focus Group Discussion* (FGD) ke atas 64 orang pelajar di 8 buah maahad tahfiz berlainan di bawah naungan PITAS. Pelajar yang dipilih juga merupakan pelajar yang mengambil aliran tahfiz, berumur antara 13 tahun dan ke atas yang sudah setahun atau lebih berada di maahad tahfiz di bawah naungan PITAS seluruh negeri Selangor. Kriteria utama pemilihan sampel kajian adalah pelajar tahfiz telah memulakan fasa menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya satu tahun. Di samping itu, tahap umur pelajar juga diambil kira di mana sekurang-kurangnya pelajar berumur 13 tahun adalah dianggap sudah mencapai tahap kematangan untuk menilai diri sama ada menjadi baik atau sebaliknya (MyHealth 2021; Anuar 2001).

Dalam kajian ini, *Focus Group Discussion* (FGD) melibatkan lapan kumpulan pelajar tahfiz dari lapan buah maahad tahfiz yang berlainan daerah. Peserta yang terlibat dalam *Focus Group Discussion* (FGD) adalah pelajar tahfiz yang telah memulakan fasa menghafaz juzuk al-Quran yang berada di 3 tahap yang berbeza iaitu tahap lemah, sederhana dan cemerlang. Pemilihan pelajar yang terlibat dalam *Focus Group Discussion* (FGD) ini ditentukan oleh pihak maahad kerana pihak maahad lebih mengenali pelajar tersebut. Pihak maahad tahfiz mengenalpasti pelajar tahfiz berdasarkan kepada penilaian dan pencapaian hafazan yang telah dijalankan di maahad tahfiz masing-masing. Seterusnya pihak maahad tahfiz mendapatkan persetujuan pelajar berkenaan untuk menjadi peserta kajian. Pelajar tahfiz yang

terlibat dalam sesi *Focus Group Discussion* (FGD) juga diberi saguhati sebagai tanda penghargaan atas kesudian dan kerjasama menjadi peserta kajian.

Sesi *Focus Group Discussion* (FGD) ini dimulakan dengan pengkaji sebagai penemuduga (*enumerator*) kepada responden untuk memberi taklimat ringkas berkenaan dengan temubual yang dijalankan. Peserta dimaklumkan tentang kerahsiaan maklumat hanya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Ini memberi gambaran kepada peserta agar tidak berasa kekok dan segan untuk memberi respon yang segar (*fresh*). Sesi ini juga dijalankan bersama peserta dari kalangan pelajar sahaja tanpa kehadiran guru agar maklumat yang diberi oleh peserta lebih telus dan jujur.

Seterusnya, rangka soalan *Focus Group Discussion* (FGD) dibina bagi memandu dan memudahkan sesi temubual kumpulan berfokus dijalankan. Soalan *Focus Group Discussion* (FGD) juga telah mendapat semakan dan kesahana pakar sebelum sesi *Focus Group Discussion* (FGD) dijalankan agar soalan-soalan yang dikemukakan menjawab objektif kajian. Kesemua sesi *Focus Group Discussion* (FGD) yang dijalankan terhadap pelajar tahfiz telah direkod. Kemudian pengkaji melakukan analisis kandungan ke atas respon yang diberikan oleh pelajar-pelajar semasa sesi *Focus Group Discussion* (FGD) tersebut secara tematik.

4. Faktor-Faktor Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz

Berdasarkan semakan kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar mudah terdedah kepada perkara-perkara yang negatif seperti bercakap kasar, vandalisme, kes buli dan sebagainya (Nor Kamariah 2013). Antara faktor yang mempengaruhi kepincangan sahsiah dalam kalangan pelajar ialah kurang pendidikan agama, sikap malas dan tidak minat belajar, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan kurangnya komunikasi yang baik dengan ibu dan bapa (Nur Hanisah 2021; Hasbullah Mat Daud et al. 2020; Ismail & Mansor 2021; Khairun Nizar 2012; Buerah et al. 2015; Mohd Nuri et al. 2004).

Namun, hasil dari *Focus Group Discussion* (FGD) yang dijalankan ke atas pelajar tahfiz, terdapat empat faktor yang dikenalpasti mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar tahfiz.

4.1 Sokongan komunikasi dari ibu bapa

Hasil dapatan kajian mendapati, faktor sokongan dari ibu bapa merupakan faktor terbesar yang mempengaruhi sahsiah pelajar tahfiz. Pelajar tahfiz yang ditemubual bersetuju bahawa ibu bapa mereka memberi dorongan yang positif untuk meneruskan pengajian dalam bidang pendidikan tahfiz. Begitu juga dalam kajian Annasaii Jamar et al. (2020) yang bersetuju bahawa ibu merupakan tunjang utama

dalam pembentukan awal sahsiah anak-anak yang banyak memberi pengaruh terhadap pembentukan tingkah laku anak-anak dari sudut sikap, pergaulan dan personaliti mereka.

Kajian Fathiyah et al. (2016) menyatakan bahawa anak-anak memerlukan sokongan emosi dan rohani untuk mereka terus berjuang menamatkan hafazan. Sokongan emosi seperti pendedahan awal berkaitan bidang pendidikan tahfiz, galakan, pujukan, pemantauan hafazan adalah merupakan usaha positif ibu bapa memberi sokongan kepada pelajar-pelajar tahfiz.

Kajian Khairun Nizar (2012) mendapati bahawa faktor ibu bapa adalah faktor tertinggi berbanding faktor media massa, rakan sebaya pendidikan agama. Dapatan ini disokong oleh Ismail & Mansor (2021) yang menyatakan bahawa komunikasi ibu terhadap anak-anak merupakan titik permulaan dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Ibu adalah insan pertama yang bertanggungjawab dalam komunikasi dengan anak-anak. Namun, komunikasi antara ibu dan anak dilihat semakin berkurangan disebabkan kekangan ibu yang bekerja dan kurang penglibatan antara ibu dan anak-anak.

4.2 Keterlibatan dalam program kerohanian/ keagamaan

Di maahad tahfiz, program kerohanian dan program keagamaan telah disusun untuk melatih pelajar tahfiz lebih cinta dan minat terhadap program keagamaan. Program keagamaan seperti solat fardhu secara berjemaah, solat sunat, puasa sunat, program tazkirah, bacaan al-Quran (surah Yaasin dan al-mulk) telah dijadikan rutin agar anak-anak terbiasa dengan amalan-amalan kerohanian. Kesan dari pengamalan agama yang dijalankan secara konsisten, secara tidak langsung memandu sahsiah pelajar tahfiz lebih cemerlang dan positif. Kajian Ibrahim Hashim (2017); Safura et al. (2019) juga bersetuju bahawa pendidikan tahfiz memberi penumpuan terhadap pembentukan sahsiah menerusi aktiviti-aktiviti dan amalan kerohanian yang dijalankan di maahad tahfiz. Pelajar dilatih dan didedahkan dengan ilmu-ilmu agama dengan harapan dapat melahirkan pelajar tahfiz yang cemerlang dari sudut sahsiah.

Hasil dari semakan kajian-kajian lepas, faktor kurang pendidikan agama didapati menjadi punca kepincangan sahsiah dalam kalangan pelajar (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Oleh itu, pendidikan agama perlu diterapkan bermula dari dalam diri setiap pelajar. Pelajar juga perlu ditanamkan sifat kesedaran dan penghayatan agama agar segala percakapan dan tingkahlaku tidak tersasar dari landasan agama (Saharia 2015).

Oleh itu, langkah pertama dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz adalah dengan mendidik untuk mengenal diri dan tuhan, memahami tujuan hidup, membina kepercayaan berlandaskan akidah (Qutb 2000), membentuk perancangan hidup yang lebih komprehensif, dan memperbetulkan pemahaman dan pemikiran yang tidak benar (Nur Shahidah et al. 2015). Justeru, kepentingan, amalan dan pelaksanaan solat adalah perkara utama yang perlu dididik dalam setiap diri pelajar dalam membentuk sahsiah pelajar tahfiz.

Berdasarkan hasil dapatan dalam kajian Marzuki et al (2019) dan Mohd Khusyairie et al. (2018), amalan solat fardu mampu memberi impak kepada sahsiah mulia dan mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar melalui beberapa proses seperti seruan azan, kewajipan berwuduk, perlakuan amali solat, pergerakan rukuk dan sujud, rukun tertib dan tama'ninah, pembacaan rukun qawli, berzikir, penjagaan waktu solat, kewajipan menutup aurat, dan berpakaian (Suhaimi et al. 2019). Kajian Zainudin dan Norazmah (2011) turut menyokong bahawa kepincangan sahsiah dalam diri pelajar adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat.

4.3 Bimbingan guru

Hasil dapatan *Focus Group Discussion* (FGD) mendapati bimbingan dan didikan guru merupakan faktor yang mempengaruhi sahsiah pelajar tahfiz. Guru berperanan untuk membantu dan membimbing pelajar untuk meningkatkan kecemerlangan hafazan, melakukan aktiviti kerohanian yang dijalankan di sekolah seterusnya dapat membina potensi diri pelajar tahfiz (Norlizah Che Hassan et al. 2017).

Kajian Muhammad Shafiq & Noraini (2018) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifika antara bimbingan guru dengan pencapaian akademik dan pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, pelajar tahfiz sememangnya memerlukan bimbingan guru untuk membantu pelajar terus menghafaz al-Quran dengan bersungguh- sungguh.

Bimbingan guru dalam konteks bidang pendidikan tahfiz adalah merujuk kepada keprihatinan guru terhadap pelaaajar. Aspek bimbingan guru merupakan aspek utama dalam meningkatkan kecemerlangan sahsiah pelajar tahfiz. Faktor bimbingan ini merupakan pendekatan utama dalam membentuk sahsiah pelajar. Peranan bimbingan guru sangat penting agar pelajar lebih memahami dan menerima ilmu yang disampaikan dengan baik dan sempurna.

4.4 Pengaruh persekitaran

Faktor suasana dan persekitaran dalam kelas mahupun luar kelas memainkan peranan penting dalam mewujudkan emosi yang baik. Kajian Hasbullah Mat Daud (2020); Norlizah Che Hassan et al. (2017) mendapati bahawa faktor persekitaran merupakan faktor yang mempengaruhi sahsiah pelajar. Faktor persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar (Che Nidzam et al. 2014). Kesan dari pencapaian pelajar mempengaruhi pelajar dalam membuat sesuatu dengan bersungguh-sungguh dan membentuk sahsiah cemerlang dalam diri pelajar.

Pengaruh persekitaran yang positif seperti rakan-rakan yang positif, suasana yang tenang, dihidupkan suasana dengan hafazan dan bacaan al-Quran mempengaruhi emosi dan tindakan pelajar. Selari dengan kajian Santibwana Abdul Rahman (2019) yang mendapati bahawa emosi yang tenang dan gembira membantu mempengaruhi emosi dan membantu pelajar tahfiz menghasilkan hafazan dengan baik dan mudah. Apabila pelajar tahfiz dapat menghafaz al-Quran dengan baik, mereka dapat menghayati al-Quran dan seterusnya membantu membentuk sahsiah cemerlang seperti yang diharapkan.

5. Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan dan sokongan kajian-kajian lepas didapati masih berlaku kepincangan sahsiah walaupun pelbagai pendekatan-pendekatan yang diambil masih untuk memastikan sahsiah pelajar berada ditahap yang memuaskan. Kajian Fauziah Hanim et al. (2015) mendapati program pembangunan sahsiah yang telah diadakan masih tidak dapat dicegah dengan berkesan. Tingkahlaku negatif pelajar didapati menurun namun ia hanya bersifat sementara sahaja atas faktor program yang dijalankan tidak disertai oleh semua pelajar. Maka, program yang dijalankan kurang memberi impak. Oleh itu, penerapan nilai pendidikan agama perlu dikemaskan agar matlamat menjadikan generasi muda yang beriman tercapai.

Program berbentuk kerohanian merupakan salah satu aktiviti keagamaan di sekolah yang dilakukan untuk meningkatkan sahsiah (Safura et al. 2019). Fakhru Adabi et al. (2010) mendapati pelaksanaan program kerohanian ini sebenarnya mampu memenuhi harapan kerajaan dalam merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya dari aspek pembangunan akhlak serta keperibadian diri disamping membudayakan nilai-nilai moral dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana kebanyakan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan adalah berunsurkan keagamaan iaitu memberi penekanan terhadap tauhid, ibadah, dan akhlak serta dilihat amat sesuai dilaksanakan seiring dengan usaha untuk menangani pelbagai isu gejala sosial serta keruntuhan akhlak pelajar-pelajar Islam pada hari ini. Namun begitu,

Ahmad Rizal et al. (2005) pula menyatakan bahawa sikap pelajar terhadap sesuatu aktiviti memerlukan ketahanan fizikal apabila sikap mereka yang menganggap sesuatu itu adalah susah. Bahkan, sikap juga akan memberi impak kepada pelajar sama ada di sekolah ataupun di pusat pengajian tinggi (Jerie & Zamri, 2011). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa para pelajar yang mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai sasaran dan begitulah sebaliknya (Zaliza & Zaitul Azma, 2014).

6. Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini memberi sumbangan kepada masyarakat dan bidang pendidikan tahfiz agar memberi perhatian ke atas faktor-faktor yang dapat mempengaruhi sahsiah pelajar tahfiz. Pelajar tahfiz sering dipandang tinggi oleh masyarakat atas dasar kesedaran pelajar tahfiz mampu menjadi contoh terbaik kepada remaja-remaja lain. Oleh itu, pembentukan sahsiah pelajar tahfiz amat perlu diberi perhatian sewajarnya agar sahsiah pelajar tahfiz dapat dibentuk dan dimantapkan seiring dengan matlamat kerajaan yang ditekankan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (2030).

Rujukan

Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Laporan penyelidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin, & Saifullizam Puteh. 2005. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*, hlm. 52-59.

Annasaii Jamar, Fatin Nazmin Mansor & Mohd Aderi Che Noh. 2020. Penghayatan pelajar terhadap nilai Islam dalam kalangan pelajar Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4(1): 48–58.

Awang Nazarudin Awang Drahman, Maimun Aqsha Abdin Lubis & Mohd Isa Hamzah. 2017a. Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Prosiding Simposium Pendidikan diPeribadikan Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, hlm. 28–36.

Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja. *Hadhari: An International Journal* 7(2): 11-30.

Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih & Mohd Hairiy Ibrahim. 2014. Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Researchgate.net*. https://www.researchgate.net/publication/294886469_Pengaruh_Persekitaran_Fizikal_Bilik_Darjah_Terhadap_Tahap_Keselesaan_Pengajaran_Dan_Pembelajaran

Ee, Ah Meng. 1997. *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

S

Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Wan Marzuki Wan Jaafar & Lukman Abd Mutalib. 2019. Cabaran pembelajaran dan sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz di sekolah agama bantuan kerajaan terpilih di Malaysia. *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 3(November): 35–45.

Fathiyah Mohd Fakhruddin, Sharini Che Ishak, Asmawati Suhid, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2020. Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 17(2): 311–340.

Fauziah Hanim Jalal, Nurul 'Ain Daud & Nazariah Abd Samad. 2015. Kesan program pembangunan sahsiah terhadap pembentukan karakter pelajar. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)* 8: 1–18.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 5. al-Qahirah: Maktabat Misr.

Habib Mat Som & Syed Kamaruzzaman Syed Ali. 2016. Isu dan cabaran kompetensi guru pendidikan Islam dalam menghadapi perubahan kurikulum di Malaysia. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam (Madrasah). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20 & 21 Oktober.

Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9): 75–89.

Hassan Hushin & Mohd Suhaimi Khalid. 2007. Pembinaan modul program pembangunan sahsiah pelajar tahun satu. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*. <http://eprints.utm.my/id/eprint/11179/>

Ibrahim F., Sarnon, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., Akhir, N. M., & Nen, S. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(8): 84-93

Ismail, A. & Mansor, S.N. 2021. Teknik komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak menurut Islam. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 131–144.

Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 13-25

Kamarul Azmi Jasmi. 2002. Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam pembangunan insan: Satu kajian teks terhadap kitab Riyad al-Solihin. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

Khairun Nizar. 2012. Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar islam di sekolah menengah Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknikal Malaysia.

Mohd Fakhruddin, F., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Wan Jaafar, W. M. & Abd Mutalib, L. 2019. Cabaran pembelajaran dan sokongan yang diperlukan oleh murid tahfiz di sekolah agama bantuan kerajaan terpilih di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 3(2): 35–45.

Mohd Nuri Al-Amin Endut, Mohd Fauzi Hamat & Shahrina M Nordin. (2004). Al-Ghazali's epistemological thought on the sources of knowledge and its significance in the development of Malay thought. *International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings*, 7-9 December 2004

Muhamad Shafiq, M. R. & Noraini, A. R. 2018a. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science* 3: 77–87.

Myhealth. Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia
<http://www.myhealth.gov.my/kemahiran-keibubapaan-anak-remaja/>

Nor Kamariah. 2013. Integrasi Pengajian Tahfiz al-Quran dan akademik di Maahad Hafiz Klang. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. 2017. Minat murid yang mengikuti aliran tahfiz dan bentuk sokongan yang diterima. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)* 1(2): 67–78.

Nur Hanisah. 2021. Kesediaan remaja berisiko untuk berubah ke arah perlakuan akhlak yang baik di Felda Daerah Bentong. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Qutb, Sayyid. 2000. *Di Bawah Bayangan al-Quran*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Jil. 4. Kota Bharu: Pustaka Aman Press. Sdn. Bhd

Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*. t.tp.: t.pt.

Safura Ahmad Sabri, Hazlin Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria, Ahmad Fatin Mohamad Suhaimi & Mohammad Aizham Mohammad Kassim. 2016. Peranan program mentoring dalam pembentukan sahsiah pelajar. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM) 2016(November)*, hlm. 356–365.

Safura, A. S., Nurauliani, J. R. & Nur Hafizah, M. 2019. Pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian di institusi pengajian tinggi Islam. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law* 20(6): 17–23.

Saharia. 2015. Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)* 8(2): 83–100.

Santibuana Abd Rahman, Ishak, I., Abd Warif, N.M., Ibrahim, F.W., Che Din, N., Harun, D., Ghazali, A.R. 2019. Hubungan antara hafazan al-Quran dan kualiti hidup pelajar tahfiz di Selangor, Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia* 17(SI): 1–11.

Siti Fatimah Abdul Rahman. 1993. *Asas-asas Masyarakat Cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Suhaimi Abu Hassan, Mohd Azam Yahya & Ahmad Faqih Ibrahim. 2019. Kesan pelaksanaan solat terhadap akhlak mukallaf menurut al-Quran dan al-Hadith. *Jurnal 'Ulwan* 4(1): 100–115.

Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Minggal. 2011. *Teori Kaunseling al-Ghazali: Mengenal Ilmu, Sejarah dan Kandungan al-Quran*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal Special Edition*: 155-172.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.

Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia. Social and Behavioral Sciences*: 408-415